



**FINAL EXAMINATION / PEPERIKSAAN AKHIR
SEMESTER I – SESSION 2020 / 2021
PROGRAM KERJASAMA**

COURSE CODE : DDWW2133
KOD KURSUS

COURSE NAME : MANAGEMENT ACCOUNTING
NAMA KURSUS PERAKAUNAN PENGURUSAN

YEAR / PROGRAMME : 2 DDWW
TAHUN / PROGRAM

DURATION : 3 HOURS (INCLUDING SUBMISSION HOUR)
TEMPOH 3 JAM (TERMASUK MASA PENGHANTARAN)

DATE : NOVEMBER 2020
TARIKH

INSTRUCTION / ARAHAN:

1. Answer **ALL** questions and write your answers on the answer sheet.
*Jawab **SEMUA** soalan dan tulis jawapan anda pada kertas jawapan.*
 2. Write your name, matric no., identity card no., course code, course name, section no. and lecturer's name on the first page (in the upper left corner) and every page thereafter on the answer sheet.
Tulis nama anda, no. matrik, no. kad pengenalan, kod kursus, nama kursus, no. seksyen dan nama pensyarah pada muka surat pertama (penjuru kiri atas) kertas jawapan dan pada setiap muka surat jawapan.
 3. Each answer sheet must have a page number written at the bottom right corner.
Setiap helai kertas jawapan mesti ditulis nombor muka surat pada bahagian bawah penjuru kanan.
 4. Answers should be handwritten, neat and clear.
Jawapan hendaklah ditulis tangan, kemas dan jelas menggunakan huruf cerai.
-

WARNING / AMARAN

Students caught copying / cheating during the examination will be liable for disciplinary actions and the faculty may recommend the student to be expelled from sitting for exam.
Pelajar yang ditangkap meniru / menipu semasa peperiksaan akan dikenakan tindakan disiplin dan pihak fakulti boleh mengesyorkan pelajar diusir dari menduduki peperiksaan.

This examination paper consists of 6 pages including the cover.
Kertas soalan ini mengandungi 6 muka surat termasuk kulit hadapan.

ONLINE EXAMINATION RULES AND REGULATIONS
PERATURAN PEPERIKSAAN SECARA DALAM TALIAN

1. Student must carefully listen and follow instructions provided by invigilator.
Pelajar mesti mendengar dan mengikuti arahan yang diberikan oleh pengawas peperiksaan dengan teliti.
2. Student is allowed to start examination only after confirmation of invigilator if all needed conditions are implemented.
Pelajar dibenarkan memulakan peperiksaan hanya setelah pengesahan pengawas peperiksaan sekiranya semua syarat yang diperlukan telah dilaksanakan.
3. During all examination session student has to ensure, that he is alone in the room.
Semasa semua sesi peperiksaan pelajar harus memastikan bahawa dia bersendirian di dalam bilik.
4. During all examination session student is not allowed to use any other devices, applications except other sites permitted by course lecturer.
Sepanjang sesi peperiksaan pelajar tidak dibenarkan menggunakan peranti dan aplikasi lain kecuali yang dibenarkan oleh pensyarah kursus.
5. After completing the exam student must inform invigilator via the set communication platform (eg. WhatsApp etc.) about completion of exam and after invigilator's confirmation leave examination session.
Selepas peperiksaan selesai, pelajar mesti memaklumkan kepada pengawas peperiksaan melalui platform komunikasi yang ditetapkan (contoh: Whatsapp dan lain-lain) mengenai peperiksaan yang telah selesai dan meninggalkan sesi peperiksaan selepas mendapat pengesahan daripada pengawas peperiksaan.
6. Any technical issues in submitting answers online have to be informed to respective lecturer within the given 30 minutes. Request for re-examination or appeal will not be entertain if complains are not made by students to their lecturers within the given 30 minutes.
Sebarang masalah teknikal dalam menghantar jawapan secara dalam talian perlu dimaklumkan kepada pensyarah masing-masing dalam masa 30 minit yang diberikan. Permintaan untuk pemeriksaan semula atau rayuan tidak akan dilayan sekiranya aduan tidak dibuat oleh pelajar kepada pensyarah mereka dalam masa 30 minit yang diberikan.
7. During online examination, the integrity and honesty of the student is also tested. At any circumstances student is not allowed to cheat during examination session. If any kind of cheating behaviour is observed, UTM have a right to follow related terms and provisions stated in the respective Academic Regulations and apply needed measures.
Semasa peperiksaan dalam talian, integriti dan kejujuran pelajar juga diuji. Walau apa pun keadaan pelajar tidak dibenarkan menipu semasa sesi peperiksaan. Sekiranya terdapat sebarang salah laku, UTM berhak untuk mengikuti terma yang dinyatakan dalam Peraturan Akademik.

Q1. Tudung Corporation is a wholesaler of industrial goods. Data regarding the store's operations follow [*Syarikat Tudung adalah sebuah pemborong barangan industri. Data berkaitan dengan operasi kedainya adalah seperti berikut*]:

- Sales are budgeted at RM390,000 for November, RM360,000 for December, and RM340,000 for January [*Jualan dibajetkan pada RM390,000 untuk November, RM360,000 untuk Disember dan RM340,000 untuk Januari*].
- Expected collections are 85% in the month of sale, 10% in the month following the sale, and 5% uncollectible [*Jangkaan kutipan adalah 85% dalam bulan jualan, 10% dalam bulan berikutnya dan 5% tidak dapat dikutip*].
- The cost of sales is 80% of sales [*Kos jualan adalah 80% daripada nilai jualan*].
- The company purchases 40% of its merchandise in the month prior to the month of sale and 60% in the month of sale. Payment for merchandise is made in the month following the purchase [*Syarikat ini membeli 40% barangan dalam bulan sebelum bulan jualan dan 60% dalam bulan jualan. Pembayaran untuk barangan tersebut dibuat dalam sebulan selepas pembelian*].
- The November beginning balance in the accounts receivable account is RM77,000 [*Baki awal akaun belum terima bulan November adalah RM77,000*].
- The November beginning balance in the accounts payable account is RM320,000 [*Baki awal akaun belum bayar bulan November adalah RM320,000*].

Required [*Dikehendaki*]:

- a. Prepare a Schedule of Expected Cash Collections for November and December [*Sediakan sebuah Jadual Anggaran Kutipan Tunai untuk bulan November dan Disember*]. [10M]
- b. Prepare a Merchandise Purchases Budget for November and December [*Sediakan sebuah Bajet Belian Barangan untuk bulan November dan Disember*]. [10M]
- c. Provide **FIVE** advantages of budgeting [*Berikan LIMA kelebihan penyediaan bajet*] [5M]

Q2. Ramjat Corporation uses part Q89 in one of its products. The company's Accounting Department reports the following costs of producing the 8,000 units of the part that are needed every year [Syarikat Ramjat menggunakan alat Q89 dalam sebuah produknya. Jabatan Akaun syarikat melaporkan kos-kos berikut untuk menghasilkan 8,000 unit alat tersebut yang diperlukan setiap tahun].

	Per Unit RM
Direct materials [<i>Bahan langsung</i>]	8.10
Direct labor [<i>Buruh langsung</i>]	4.40
Variable overhead [<i>Overhed berubah</i>]	8.60
Supervisor's salary [<i>Gaji penyelia</i>]	3.20
Depreciation of special equipment [<i>Susutnilai peralatan khas</i>]	2.60
Allocated general overhead [<i>Overhed am diagihkan</i>]	1.30

An outside supplier has offered to make the part and sell it to the company for RM27.60 each. If this offer is accepted, the supervisor's salary and all of the variable costs, including direct labor, can be avoided. The special equipment used to make the part was purchased many years ago and has no salvage value or other use. The allocated general overhead represents fixed costs of the entire company. If the outside supplier's offer were accepted, only RM3,000 of these allocated general overhead costs would be avoided. In addition, the space used to produce part Q89 could be used to make more of one of the company's other products, generating an additional segment margin of RM16,000 per year [*Sebuah pembekal menawarkan untuk membuat alat tersebut dan membekalkannya kepada syarikat pada harga RM27.60 seunit. Jika tawaran ini diterima, gaji penyelia dan semua kos berubah, termasuk buruh langsung, dapat dielakkan. Peralatan khas yang digunakan untuk membuat alat tersebut telah dibeli bertahun yang lalu dan ia tidak mempunyai nilai sisa atau kegunaan lain. Jika tawaran pembekal luar ini diterima, hanya RM3,000 daripada overhed am diagihkan dapat dielak. Sebagai tambahan, ruang yang digunakan untuk membuat alat Q89 dapat dimanfaatkan untuk menghasilkan produk lain syarikat, yang boleh menjana margin segmen tambahan sebanyak RM16,000 setahun*].

Required [*Dikehendaki*]:

- Prepare a report that shows the effect on the company's total net operating income of buying part Q89 from the supplier rather than continuing to make it inside the company [*Sediakan sebuah laporan yang menunjukkan kesan terhadap keuntungan bersih operasi syarikat jika syarikat membeli alat Q89 itu dari pembekal berbanding dengan meneruskan pembuatannya oleh syarikat*]. [20M]
- What would you advise the company? [*Apakah cadangan anda kepada syarikat?*] [5M]

- Q3. Lenang Company manufactures and sells trophies for winners of athletic and other events. Its manufacturing plant has the capacity to produce 18,000 trophies each month; current monthly production is 14,400 trophies. The company normally charges RM103 per trophy. Cost data for the current level of production are shown below [*Syarikat Lenang mengeluarkan dan menjual piala kemenangan acara sukan dan lain-lain acara seumpamanya. Kilang pengeluarannya berkapasiti untuk menghasilkan 18,000 piala setiap bulan; pengeluaran bulanan semasa adalah 14,400 piala. Syarikat ini biasanya mengenakan harga RM103 untuk setiap unit piala. Data kos pada tahap pengeluaran semasa dipamerkan di bawah*]:

Variable costs [<i>Kos berubah</i>]:	RM
Direct materials [<i>Bahan langsung</i>]	460,800
Direct labor [<i>Buruh langsung</i>]	316,800
Selling and administrative [<i>Jualan dan pentadbiran</i>]	15,840
Fixed costs [<i>Kos tetap</i>]:	
Manufacturing [<i>Pengeluaran</i>]	404,640
Selling and administrative [<i>Jualan dan pentadbiran</i>]	74,880

The company has just received a special order for 900 trophies at RM48 each. For this particular order, no variable selling and administrative costs would be incurred. This order would also have no effect on fixed costs [*Syarikat ini baru menerima sebuah tempahan khas 900 unit piala pada harga RM48 seunit. Untuk tempahan khas ini, tiada kos jualan dan pentadbiran yang perlu ditanggung. Tempahan ini juga tidak memberi kesan terhadap kos-kos tetap*].

Required [*Dikehendaki*]:

Should the company accept this special order? Show your detailed calculations to justify your answer [*Patutkah syarikat menerima tempahan khas tersebut? Tunjukkan pengiraan terperinci anda untuk menjustifikasikan jawapan anda*] [20M]

Q4. Rumba Company's standard and actual costs per unit for the most recent period, during which 500 units were actually produced, are given below [*Kos standard seunit dan kos sebenar seunit Syarikat Rumba untuk tempoh terkini, dimana 500 unit telah dikeluarkan, diberikan dibawah*]:

	Standard RM	Actual [Sebenar] RM
Materials [<i>Bahan</i>]:		
Standard: 2 meter @ RM1.50 per meter	3.00	
Actual [<i>Sebenar</i>]: 1.9 meter @ RM1.60 per meter		3.04
Direct labor [<i>Buruh langsung</i>]:		
Standard: 1.5 hours [<i>jam</i>] @ RM6.00 per hour [<i>jam</i>]	9.00	
Actual [<i>Sebenar</i>]: 1.7 hours [<i>jam</i>] @ RM6.30 per hour [<i>jam</i>]		10.71
Variable overhead [<i>Overhed berubah</i>]:		
Standard: 1.5 hours [<i>jam</i>] @ RM3.40 per hour [<i>jam</i>]	<u>5.10</u>	
Actual [<i>Sebenar</i>]: 1.7 hours [<i>jam</i>] @ RM3.00 per hour [<i>jam</i>]		<u>5.10</u>
Total unit cost [<i>Jumlah kos seunit</i>]	<u>17.10</u>	<u>18.85</u>

All of the material purchased during the period was used in production during the period [*Semua bahan yang dibeli dalam tempoh tersebut telah digunakan dalam pengeluaran dalam tempoh tersebut*].

Required [*Dikehendaki*]:

From the given information, compute the following variances. Indicate whether the variance is favorable (F) or unfavorable (U) [*Berdasarkan maklumat yang diberikan, kira varians-variens berikut. Nyatakan samada varians baik (F) atau tidak baik (U)*]:

- Material price variance [*Varians harga bahan*]. [5M]
- Material quantity variance [*Varians kuantiti bahan*]. [5M]
- Direct labor rate variance [*Varians kadar buruh langsung*]. [5M]
- Direct labor efficiency variance [*Varians kecekapan buruh langsung*]. [5M]
- Variable overhead spending variance [*Varians perbelanjaan overhed berubah*]. [5M]
- Variable overhead efficiency variance [*Varians kecekapan overhed berubah*]. [5M]

END OF QUESTIONS [SOALAN TAMAT]